

## **NOTIS AKTA PERLINDUNGAN DATA PERIBADI**

Selaras dengan Akta Perlindungan Data Peribadi 2010 (“PDPA”) dan komitmen kami untuk melindungi data peribadi pelanggan-pelanggan kami, Notis ini menetapkan cara bagaimana data peribadi anda akan diproses oleh Inter-Pacific Asset Management Sdn Bhd (“IPAM”).

Kami menggalakkan anda menyemak Notis ini secara berkala untuk sebarang kemas kini dan perubahan kerana IPAM berhak untuk meminda Notis ini dari semasa ke semasa.

### **JENIS-JENIS DATA PERIBADI YANG AKAN DIKUMPUL DAN BAGAIMANA IA DIKUMPUL**

Data peribadi yang boleh dikumpul dari anda adalah termasuk nama, nombor NRIC/Pasport, jantina, alamat, nombor telefon, alamat e-mel, pekerjaan, maklumat kewangan, dan juga maklumat mengenai pasangan anda atau saudara-mara terdekat dan maklumat lain yang mungkin diminta oleh pemeraturan iaitu Suruhanjaya Sekuriti Malaysia. Ia dipungut melalui mana-mana kaedah berikut:-

- a. Data peribadi yang disediakan secara langsung oleh anda melalui sebarang borang permohonan atau perjanjian;
- b. Data peribadi boleh diperolehi oleh IPAM daripada sumber-sumber lain yang boleh didapati secara umum;
- c. Data peribadi yang berkaitan dengan transaksi anda dengan kami atau sekutu-sekutu kami;
- d. Informasi yang anda telah diberikan kepada kami di laman web kami;
- e. Daripada pihak ketiga seperti agensi-agensi rujukan kredit atau daripada mana-mana sumber lain yang difikirkan sesuai oleh IPAM;
- f. Mana-mana sumber lain yang anda telah bersetuju untuk didedahkan maklumat-maklumat berkaitan dengan anda dan/atau di mana tidak dihadkan sebaliknya.

### **PERUNTUKAN MAKLUMAT**

Sebagai pelanggan, anda mempunyai hak untuk menentukan maklumat yang anda ingin berikan, kami mungkin memerlukan anda untuk memberikan kami maklumat-maklumat mandatori yang mungkin dianggap berkaitan dari semasa ke semasa untuk membolehkan kami memproses permohonan anda dan menawarkan kemudahan-kemudahan, produk dan perkhidmatan kami kepada anda. Jika anda memilih untuk tidak memberikannya kepada kami, kami mungkin tidak dapat memproses dan menyediakan kemudahan-kemudahan, produk dan perkhidmatan itu kepada anda.

### **TUJUAN PENGAMBILAN DATA PERIBADI**

Data peribadi yang diberikan oleh anda akan digunakan dalam urusan perniagaan kami yang mungkin meliputi maksud yang berikut:

- a. Pemrosesan permohonan anda untuk kemudahan-kemudahan, produk dan perkhidmatan kami, termasuk pengesahan pengenalan;
- b. Menilai atau mengesahkan maklumat kredit anda (iaitu maklumat kredit yang berterusan)
- c. Untuk mengurus dan mengekalkan akaun dan/atau pelaburan anda dengan kami;
- d. Untuk berkomunikasi atau bertindak balas terhadap pertanyaan-pertanyaan anda dan menyelesaikan sebarang isu-isu perkhidmatan atau aduan anda;
- e. Untuk memberikan anda maklumat mengenai produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh kami dan/atau rakan-rakan kongsi perniagaan kami;
- f. Untuk tujuan jualan silang, pemasaran dan promosi dengan rakan-rakan kongsi strategik kami;
- g. Untuk mematuhi keperluan kawal selia dan menyediakan bantuan kepada agensi-agensi penguatkuasaan undang-undang;
- h. Bagi penguatkuasaan hak-hak dan kewajipan kami;
- i. Pembangunan produk dan perkhidmatan kewangan;
- j. Untuk memperbaiki dan membangunkan produk dan perkhidmatan kami dan jaminan kualiti;
- k. Untuk melaksanakan kegiatan-kegiatan dalaman termasuk untuk tujuan audit, pematuhan dan pengurusan risiko;
- l. Untuk menjalankan pemeriksaan pencegahan pengubahan wang haram; untuk pengesanan, pencegahan dan pendakwaan jenayah; untuk mematuhi mana-mana syarat sanksi; dan
- m. Sebarang tujuan-tujuan lain seperti yang dibenarkan oleh undang-undang dan untuk apa-apa tujuan-tujuan sampingan dan berkaitan lain berhubung dengan perkara-perkara di atas.

IPAM akan mengekalkan data peribadi selama yang perlu seperti yang dibenarkan oleh undang-undang untuk tujuan perniagaan yang sah atau sebaliknya akan dimusnahkan dan /atau dipadamkan dari rekod-rekod dan sistem kami mengikut dasar pengendalian kami sekiranya data tersebut tidak lagi diperlukan bagi tujuan tersebut.

### **PENDEDAHAN DATA PERIBADI ANDA**

Maklumat peribadi anda tidak akan didedahkan kepada mana-mana pihak ketiga melainkan jika ia adalah dalam lingkungan pendedahan yang dibenarkan di bawah undang-undang yang wujud / garis panduan dan/ atau anda telah bersetuju dengan

pendedahan sedemikian. Kami mungkin mendedahkan data anda kepada pihak ketiga termasuk dan tidak terhad kepada seperti berikut:

- a. Ejen-ejen, pembekal-pembekal perkhidmatan dan penasihat-penasihat profesional kami yang bertindak bagi pihak kami atau dilantik oleh kami untuk bertindak bagi pihak kami;
- b. Rakan strategik kami di luar Malaysia untuk tujuan menyediakan anda perkhidmatan untuk berdagang dalam sekuriti-sekuriti di luar negara jika anda memilih sedemikian;
- c. Mana-mana syarikat semasa atau di masa hadapan yang boleh dikaitkan dengan atau berkaitan dengan IPAM, termasuk wakil-wakil dan pejabat-pejabat cawangan dan wakil-wakil mereka, pegangan-pegangan, syarikat-syarikat berkaitan dan syarikat-syarikat bersekutu IPAM;
- d. Pemeraturan, badan-badan kerajaan atau pihak berkuasa yang lain jika diperlukan atau dibenarkan untuk berbuat demikian untuk menunaikan sebarang fungsi kawal selia di bawah mana-mana undang-undang atau yang berhubungan dengan sebarang perintah atau penghakiman mahkamah;
- e. Untuk penasihat-penasihat profesional kami termasuk juruaudit, ejen cukai, peguam, akauntan dan /atau ejen-ejen lain yang berkaitan dengan kemudahan-kemudahan, produk dan perkhidmatan anda.

#### **SEKURITI MAKLUMAT PERIBADI ANDA**

- a. Kami juga akan memastikan langkah-langkah munasabah akan diambil oleh kategori-kategori pihak tersebut di atas untuk melindungi atau mengekalkan kerahsiaan maklumat anda yang didedahkan kepada mereka.
- b. Kami dari masa ke semasa menyemak semula dan melaksanakan langkah keselamatan teknikal dan organisasi yang terkini semasa memproses maklumat peribadi anda.
- c. Pekerja-pekerja IPAM adalah dilatih untuk mengendalikan maklumat peribadi dengan selamat dan dengan kesulitan yang ketat, di mana kegagalan membuat demikian mereka akan tertakluk kepada tindakan disiplin.

#### **HAK AKSES, MENARIK DIRI DARIPADA PENDEDAHAN DAN PEMBETULAN DATA PERIBADI**

Anda berhak untuk meminta akses kepada data peribadi anda dan jika anda berharap menarik diri daripada pendedahan data peribadi anda atau meminta untuk mengemaskini/membetulkan data peribadi anda yang dipegang oleh IPAM, sila hantarkan permintaan anda secara bertulis melalui pos atau e-mel kepada: –

1. **Alamat surat-menyurat:**  
Inter-Pacific Asset Management Sdn Bhd  
West Wing, Level 13,  
Berjaya Times Square,  
No.1, Jalan Imbi,  
55100 Kuala Lumpur.
2. **E Mel:**  
[enquiry\\_ipam@interpac.com.my](mailto:enquiry_ipam@interpac.com.my)

---

#### **DEKLARASI**

Saya/Kami dengan ini menyatakan bahawa saya/kami telah membaca, memahami dan membenarkan pemprosesan data peribadi mengikut Notis dan Syarat-Syarat yang dinyatakan di dalam ini.

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Pemohon Pertama/  
Tandatangan diberi kuasa (Pemohon Korporat)

Tarikh:

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Pemohon Kedua/  
Tandatangan diberi kuasa (Pemohon Korporat)

Tarikh:

Cop  
Syarikat